



KERAJAAN MALAYSIA

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
(Malaysian Public Sector Accounting Standards)

MPSAS 24

Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan

Jun 2013

**MPSAS 24 - PEMBENTANGAN MAKLUMAT BAJET
DALAM PENYATA KEWANGAN**

Pengiktirafan

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) adalah berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) 24 *Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan* daripada *Buku Panduan Penyataan Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa* Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, yang diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC) pada April 2011 dan digunakan dengan kebenaran IFAC.

Buku Panduan Penyataan Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa © 2011 oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC). Hak cipta terpelihara.

Disediakan oleh :
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
No. 1, Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya

Tel : 03-88821000
Faks : 03-88821765
Web : <http://www.anm.gov.my>

**MPSAS 24 - PEMBENTANGAN MAKLUMAT BAJET DALAM
PENYATA KEWANGAN**

KANDUNGAN

	Perenggan
Objektif.....	1
Skop.....	2-6
Takrif	7-13
Bajet yang diluluskan	8-10
Bajet Asal dan Bajet Akhir	11-12
Amaun Sebenar.....	13
Pembentangan Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar	14-38
Pembentangan dan Pendedahan	21-24
Tahap Pengagregatan	25-28
Perubahan daripada Bajet Asal kepada Bajet Akhir.....	29-30
Asas Boleh Banding	31-36
Bajet Berbilang Tahun	37-38
Nota Pendedahan tentang Asas, Tempoh dan Skop Bajet	39-46
Penyesuaian Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding dengan Amaun Sebenar dalam Penyata Kewangan.....	47-53
Tarikh Kuat Kuasa	54-55
Contoh Ilustrasi	

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 24, *Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan*, dinyatakan dalam perenggan 1-55. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 24 seharusnya dibaca dalam konteks objektifnya dan *Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia*. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, menyediakan asas untuk memilih dan menerapkan dasar perakaunan apabila tiada panduan yang jelas.

Objektif

1. Piawaian ini menghendaki perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar selepas pelaksanaan bajet, dimasukkan ke dalam penyata kewangan entiti yang dikehendaki mendedahkan, atau entiti yang memilih untuk mendedahkan kepada umum bajetnya yang telah diluluskan. Oleh sebab pendedahan itu, entiti dianggap bertanggungjawab kepada umum. Piawaian ini juga menghendaki pendedahan dibuat untuk menerangkan mengapa terdapat perbezaan material antara amaun bajet dengan amaun sebenar. Pematuhan kepada keperluan Piawaian ini akan memastikan entiti sektor awam melaksanakan obligasi akauntabiliti dan meningkatkan ketelusan penyata kewangannya dengan menunjukkan:
 - (a) pematuhan kepada bajet yang diluluskan, iaitu kebertanggungjawaban entiti kepada umum; dan
 - (b) pencapaian prestasi kewangan seperti yang dirancang, jika bajet dan penyata kewangan disediakan berdasarkan asas yang sama.

Skop

2. **Sesebuah entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan mengikut asas perakaunan akruan hendaklah mengguna pakai Piawaian ini.**
3. **Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprise, GBE*), yang dikehendaki, atau memilih untuk, mendedahkan bajet yang diluluskan kepada umum.**
4. *Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia* yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia menerangkan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.
5. Piawaian ini tidak menghendaki bajet yang diluluskan didedahkan kepada umum, dan tidak juga menghendaki penyata kewangan mendedahkan maklumat tentang bajet yang diluluskan, atau membuat perbandingan dengan bajet yang diluluskan tetapi tidak didedahkan kepada umum.
6. Dalam sesetengah kes, bajet yang diluluskan akan disusun supaya merangkumi semua aktiviti yang dikawal oleh entiti sektor awam. Dalam kes lain, bajet berasingan yang diluluskan mungkin perlu didedahkan kepada umum untuk aktiviti, kumpulan aktiviti, atau entiti tertentu yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan entiti kerajaan atau entiti sektor awam yang lain. Hal ini boleh berlaku jika:
 - (a) contohnya, penyata kewangan kerajaan merangkumi agensi atau program kerajaan yang memiliki autonomi operasi dan menyediakan bajetnya sendiri, atau
 - (b) bajet disediakan hanya untuk sektor am kerajaan dalam keseluruhan kerajaan. Piawaian ini terpakai kepada semua entiti yang membentangkan penyata kewangan apabila bajet yang diluluskan untuk entiti itu, atau komponen daripadanya, didedahkan kepada umum.

Takrif

7. Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang dinyatakan:

Asas perakaunan bermaksud asas perakaunan akruan atau tunai seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS asas akruan dan MPSAS Asas Tunai.

Bajet tahunan bermaksud bajet yang telah diluluskan untuk satu tahun. Ia tidak termasuk anggaran hadapan atau unjuran yang diterbitkan untuk beberapa tempoh melebihi tempoh bajet.

Peruntukan ialah kuasa yang diberikan oleh badan perundangan untuk memperuntukkan dana bagi tujuan yang ditentukan oleh undang-undang atau pihak berkuasa yang serupa.

Bajet yang diluluskan bermaksud kuasa berbelanja yang diperoleh daripada undang-undang, rang undang-undang, ordinan kerajaan, dan keputusan lain yang berkaitan dengan hasil atau terimaan yang dijangka bagi tempoh bajet.

Asas bajet bermaksud asas perakaunan akruan, tunai atau asas perakaunan lain yang diterima pakai dalam bajet yang telah diluluskan oleh badan perundangan.

Asas boleh banding bermaksud amaun sebenar yang dibentangkan pada asas perakaunan yang sama, asas klasifikasi yang sama, untuk entiti yang sama, dan untuk tempoh yang sama dengan bajet yang diluluskan.

Bajet akhir ialah bajet asal yang diselaraskan untuk semua rizab, amaun bawa ke hadapan, pindahan, peruntukan, peruntukan tambahan, dan perubahan lain dalam perundangan yang dibenarkan atau pihak berkuasa serupa yang terpakai bagi tempoh bajet tersebut.

Bajet berbilang tahun ialah bajet yang diluluskan bagi tempoh lebih daripada satu tahun. Ia tidak termasuk anggaran hadapan atau unjuran yang diterbitkan untuk beberapa tempoh melebihi tempoh bajet.

Bajet asal ialah bajet awal yang diluluskan untuk tempoh bajet.

Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan dihasilkan semula dalam *Glosari Istilah Tertakrif* yang diterbitkan secara berasingan.

Bajet yang diluluskan

8. Bajet yang diluluskan seperti yang ditakrifkan oleh Piawaian ini menunjukkan hasil dan terimaan yang dijangka akan diperoleh dalam tempoh bajet tahunan atau bajet berbilang tahun, berdasarkan pelan semasa dan jangkaan keadaan ekonomi dalam tempoh bajet tersebut, dan belanja atau perbelanjaan yang diluluskan oleh badan perundangan, iaitu majlis undangan atau pihak berkuasa

lain yang berkaitan. Bajet yang diluluskan bukan merupakan anggaran hadapan, atau unjuran berasaskan andaian tentang peristiwa masa hadapan dan tindakan yang mungkin diambil oleh pihak pengurusan yang tidak semestinya dijangka berlaku. Begitu juga, bajet yang diluluskan adalah berbeza daripada maklumat kewangan prospektif, yang mungkin berbentuk ramalan, unjuran, atau gabungan kedua-duanya; contohnya, ramalan untuk satu tahun dengan unjuran untuk lima tahun.

9. Dalam sesetengah bidang kuasa, bajet boleh disahkan menjadi undang-undang sebagai sebahagian daripada proses kelulusan. Dalam bidang kuasa lain, kelulusan boleh diberikan tanpa perlu menjadikan bajet sebagai undang-undang. Walau apa pun proses kelulusan, ciri kritikal bagi bajet yang diluluskan ialah kuasa pengeluaran dana daripada perbendaharaan kerajaan atau badan yang serupa bagi tujuan yang telah dipersetujui dan dikenal pasti diberikan oleh badan perundangan yang lebih tinggi atau pihak berkuasa lain yang berkenaan. Bajet yang diluluskan menentukan kuasa berbelanja bagi item yang dinyatakan. Kuasa berbelanja itu secara umumnya dianggap sebagai had berbelanja yang sah di sisi undang-undang bagi entiti menjalankan operasi. Dalam sesetengah bidang kuasa, bajet yang diluluskan yang dipertanggungjawabkan kepada entiti mungkin merupakan bajet asal, dan dalam bidang kuasa lain, entiti mungkin bertanggungjawab atas bajet akhir.
10. Jika bajet tidak diluluskan sebelum bermulanya tempoh bajet, bajet asal ialah bajet pertama yang diluluskan untuk penggunaan dalam tahun bajet.

Bajet Asal dan Bajet Akhir

11. Bajet asal boleh termasuk baki amaun diperuntukkan yang dibawa ke hadapan secara automatik daripada tahun-tahun sebelumnya, seperti peruntukan undang-undang. Contohnya, proses bajet kerajaan dalam sesetengah bidang kuasa memasukkan peruntukan undang-undang yang menghendaki peruntukan dibawa ke hadapan secara automatik bagi memenuhi komitmen tahun sebelumnya. Komitmen merangkumi potensi liabiliti masa hadapan berdasarkan perjanjian kontraktual semasa. Dalam sesetengah bidang kuasa, komitmen boleh dirujuk sebagai obligasi atau bebanan, dan termasuk pesanan belian dan kontrak yang belum dijelaskan bagi barang dan perkhidmatan belum diterima.
12. Peruntukan tambahan mungkin diperlukan jika bajet asal tidak mengambil kira secukupnya keperluan perbelanjaan yang timbul daripada, contohnya, peperangan atau bencana alam. Selain itu, mungkin terdapat kekurangan dalam hasil yang diperuntukkan sepanjang tempoh itu, dan pindahan dalaman antara kepala bajet atau barisan item mungkin diperlukan untuk menampung perubahan dalam keutamaan pembiayaan dalam tempoh fiskal tersebut. Oleh itu, dana yang diperuntukkan kepada entiti atau aktiviti mungkin perlu ditolak daripada amaun peruntukan asal untuk tempoh itu bagi mengekalkan disiplin fiskal. Bajet akhir termasuk semua perubahan atau pindaan yang dibenarkan itu.

Amaun Sebenar

13. Piawai ini menggunakan istilah sebenar atau amaun sebenar bagi menerangkan amaun yang terhasil daripada pelaksanaan bajet. Dalam sesetengah bidang kuasa, hasil bajet, pelaksanaan

bajet, atau istilah yang serupa boleh digunakan dengan maksud yang sama dengan sebenar atau amaun sebenar.

Pembentangan Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar

14. **Tertakluk kepada keperluan perenggan 21, entiti hendaklah membentangkan perbandingan antara amaun bajet yang menjadi tanggungjawab entiti kepada umum dengan amaun sebenar, sama ada sebagai penyata kewangan tambahan yang berasingan atau lajur bajet tambahan dalam penyata kewangan semasa yang dibentangkan mengikut MPSAS. Perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar hendaklah dibentangkan secara berasingan bagi setiap tahap pemantauan perundangan:**
 - (a) **Amaun bajet asal dan amaun bajet akhir;**
 - (b) **Amaun sebenar pada asas boleh banding; dan**
 - (c) **Melalui nota pendedahan, penerangan tentang perbezaan material antara bajet yang menjadi tanggungjawab entiti kepada umum dengan amaun sebenar, kecuali penerangan tersebut dimasukkan dalam dokumen awam lain yang dikeluarkan bersama penyata kewangan, dan rujukan silang bagi dokumen tersebut dinyatakan dalam nota tersebut.**
15. Pembentangan amaun bajet asal dan bajet akhir serta amaun sebenar pada asas boleh banding dengan bajet yang didedahkan kepada umum, dalam penyata kewangan, akan melengkapkan kitaran akauntabiliti dengan membolehkan pengguna penyata kewangan mengenal pasti sama ada sumber diperoleh dan digunakan mengikut bajet yang diluluskan. Perbezaan antara amaun sebenar dengan amaun bajet, sama ada bajet asal atau bajet akhir, (selalunya dirujuk sebagai varians dalam perakaunan), boleh juga dibentangkan dalam penyata kewangan untuk melengkapkan laporan.
16. Penerangan tentang perbezaan material antara amaun sebenar dengan amaun bajet akan membantu pengguna penyata kewangan memahami sebab bagi perbezaan material daripada bajet yang diluluskan yang menjadi tanggungjawab entiti kepada umum.
17. Entiti mungkin dikehendaki, atau memilih untuk, mendedahkan kepada umum bajet asal, bajet akhir, atau kedua-duanya sekali. Jika kedua-dua bajet asal dan bajet akhir perlu didedahkan kepada umum, undang-undang, peraturan, atau pihak berkuasa lain biasanya akan menyediakan panduan sama ada penjelasan bagi perbezaan material antara amaun sebenar dengan amaun asal bajet, atau amaun sebenar dengan amaun bajet akhir, dikehendaki mengikut perenggan 14(c). Apabila tiada apa-apa panduan sedemikian, perbezaan material itu boleh ditentukan dengan merujuk, contohnya:
 - (a) perbezaan antara bajet sebenar dengan bajet asal yang memberikan tumpuan kepada prestasi berbanding bajet asal, atau
 - (b) perbezaan antara bajet sebenar dengan bajet akhir yang memberikan tumpuan kepada pematuhan terhadap bajet akhir.
18. Dalam kebanyakan kes, amaun bajet akhir dan amaun sebenar adalah sama. Hal ini disebabkan pelaksanaan bajet dipantau sepanjang tempoh pelaporan, dan bajet asal disemak semula secara

progresif bagi menunjukkan perubahan syarat, perubahan keadaan, dan pengalaman sepanjang tempoh pelaporan. Perenggan 29 dalam Piawaian ini menghendaki pendedahan dibuat untuk menerangkan mengapa terdapat perubahan antara bajet asal dengan bajet akhir. Pendedahan tersebut, bersama pendedahan yang dikehendaki oleh perenggan 14 di atas akan memastikan entiti yang mendedahkan kepada umum bajetnya yang diluluskan, bertanggungjawab kepada umum terhadap prestasi entiti dan pematuhan kepada bajet yang diluluskan.

19. Pada kebiasaannya, perbincangan dan analisis pihak pengurusan, kajian semula operasi, atau laporan awam lain yang menyediakan ulasan tentang prestasi dan pencapaian entiti itu sepanjang tempoh pelaporan, termasuk penerangan mengenai apa-apa perbezaan material daripada amaun bajet, dikeluarkan bersama dengan penyata kewangan. Mengikut perenggan 14(c) Piawaian ini, penerangan tentang perbezaan material antara amaun sebenar dengan amaun bajet akan dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan, melainkan:
 - (a) penerangan tersebut dimasukkan dalam laporan awam yang lain atau dokumen yang dikeluarkan bersama penyata kewangan, dan
 - (b) nota kepada penyata kewangan menamakan laporan atau dokumen yang mengandungi penerangan tersebut.
20. Jika bajet yang diluluskan hanya didedahkan kepada umum untuk sesetengah entiti atau aktiviti yang termasuk dalam penyata kewangan, keperluan perenggan 14 akan terpakai hanya kepada entiti atau aktiviti yang dinyatakan dalam bajet yang diluluskan itu. Ini bermakna, sebagai contoh, jika bajet yang disediakan hanya untuk sektor am kerajaan dalam entiti pelaporan keseluruhan kerajaan, dan pendedahan yang dikehendaki oleh perenggan 14 akan dibuat berkaitan dengan sektor am kerajaan tersebut sahaja.

Pembentangan dan Pendedahan

21. **Entiti hendaklah membentangkan perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar sebagai lajur tambahan bajet dalam penyata kewangan utama hanya jika penyata kewangan dan bajet tersebut disediakan pada asas boleh banding.**
22. Perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar boleh dibentangkan dalam penyata kewangan berasingan, (Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar atau penyata dengan tajuk yang serupa) yang terkandung dalam set penyata kewangan yang lengkap seperti yang dinyatakan dalam MPSAS 1. Sebaliknya, jika penyata kewangan dan bajet itu disediakan pada asas boleh banding, iaitu pada asas perakaunan yang sama bagi entiti dan tempoh pelaporan yang sama, dan menerima pakai struktur klasifikasi yang sama - lajur tambahan boleh ditambah kepada penyata kewangan utama yang sedia ada yang dibentangkan mengikut MPSAS. Lajur tambahan ini akan mengenal pasti amaun bajet asal dan amaun bajet akhir serta perbezaan antara amaun bajet dengan amaun sebenar, jika entiti memilih untuk berbuat demikian.
23. Apabila bajet dan penyata kewangan tidak disediakan pada asas boleh banding, Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar yang berasingan dibentangkan. Dalam kes ini, bagi memastikan pembaca tidak menyalahafsirkan maklumat kewangan yang disediakan

pada asas yang berlainan, penyata kewangan tersebut hendaklah menjelaskan bahawa asas bajet dan asas perakaunan adalah berbeza, dan Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar disediakan pada asas bajet.

24. Dalam bidang kuasa apabila bajet disediakan pada asas akruan dan merangkumi set penyata kewangan yang lengkap, lajur tambahan bajet boleh ditambah kepada semua penyata kewangan utama yang dikehendaki oleh MPSAS. Dalam sesetengah bidang kuasa, bajet yang disediakan pada asas akruan boleh dibentangkan hanya dalam bentuk penyata kewangan utama tertentu sahaja yang mengandungi set penyata kewangan yang lengkap seperti yang dinyatakan oleh MPSAS - contohnya, bajet tersebut boleh dibentangkan sebagai penyata prestasi kewangan atau penyata aliran tunai, dengan maklumat tambahan disediakan dalam jadual sokongan. Dalam kes ini, lajur tambahan bajet boleh dimasukkan dalam penyata kewangan utama yang juga diterima pakai untuk pembentangan bajet.

Tahap Pengagregatan

25. Dokumen bajet boleh menyediakan butiran yang sangat terperinci tentang aktiviti, program, atau entiti tertentu. Butiran ini selalunya diagregatkan ke dalam kelas yang luas di bawah kepala bajet, klasifikasi bajet, atau tajuk bajet yang sama untuk pembentangan kepada, dan kelulusan oleh, badan perundangan atau pihak berwajib yang lain. Pendedahan bajet dan maklumat sebenar yang selaras dengan kelas dan kepala atau tajuk bajet yang luas akan memastikan perbandingan dibuat pada tahap penyemakan oleh badan perundangan atau pihak berwajib yang dikenal pasti dalam dokumen bajet.
26. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran dan Kesilapan Perakaunan*, menghendaki penyata kewangan menyediakan maklumat yang mempunyai beberapa ciri kualitatif, termasuk maklumat yang:
- (a) Relevan kepada keperluan pengguna untuk membuat keputusan; dan
 - (b) Boleh dipercayai, iaitu penyata kewangan tersebut:
 - (i) Menggambarkan secara telus kedudukan kewangan, prestasi kewangan, dan aliran tunai entiti;
 - (ii) Menunjukkan inti pati ekonomi urus niaga, peristiwa lain dan keadaan, dan bukan berbentuk undang-undang semata-mata.
 - (iii) Berkecuali, iaitu bebas daripada berat sebelah;
 - (iv) Berhemat; dan
 - (v) Lengkap dalam mengambil kira semua perkara yang material
27. Dalam sesetengah kes, maklumat kewangan terperinci yang termasuk dalam bajet yang diluluskan mungkin perlu diagregatkan untuk pembentangan dalam penyata kewangan mengikut keperluan Piawaian ini. Pengagregatan sedemikian mungkin perlu bagi mengelakkan maklumat yang sarat dan menunjukkan tahap pemantauan oleh badan perundangan atau pihak berwajib yang berkaitan. Penentuan tahap pengagregatan akan melibatkan pertimbangan profesional.

Pertimbangan tersebut akan digunakan dalam konteks objektif Piawaian ini dan ciri kualitatif pelaporan kewangan seperti yang digariskan dalam perenggan 26 di atas dan Lampiran A dalam MPSAS 1, yang meringkaskan ciri kualitatif pelaporan kewangan.

28. Maklumat tambahan bajet, termasuk maklumat tentang pencapaian perkhidmatan, boleh dibentangkan dalam dokumen selain penyata kewangan. Rujukan silang daripada penyata kewangan bagi dokumen tersebut adalah digalakkan, terutamanya untuk menghubungkan bajet dan data sebenar kepada data bajet bukan kewangan dan pencapaian perkhidmatan.

Perubahan daripada Bajet Asal kepada Bajet Akhir

29. **Entiti hendaklah menerangkan sama ada perubahan daripada bajet asal kepada bajet akhir adalah akibat daripada peruntukan semula dalam bajet, atau disebabkan faktor yang lain:**
 - (a) **Melalui pendedahan nota kepada penyata kewangan; atau**
 - (b) **Dalam laporan yang dikeluarkan sebelum, semasa, atau bersama dengan penyata kewangan itu, dan hendaklah mempunyai rujukan silang kepada laporan dalam nota kepada penyata kewangan.**
30. Bajet akhir termasuk semua perubahan yang diluluskan melalui tindakan perundangan atau pihak berkuasa yang lain yang dilantik untuk menyemak semula bajet asal. Selaras dengan keperluan Piawaian ini, entiti sektor awam akan memasukkan penerangan tentang perubahan antara bajet asal dengan bajet akhir dalam nota kepada penyata kewangan atau dalam laporan berasingan yang dikeluarkan sebelum, semasa atau bersama dengan penyata kewangan. Penerangan tersebut akan termasuk, contohnya, perubahan akibat daripada peruntukan semula dalam parameter bajet asal atau disebabkan faktor yang lain, seperti perubahan dalam parameter bajet keseluruhan, termasuk perubahan dalam dasar kerajaan. Pendedahan tersebut biasanya dibuat dalam perbincangan dan analisis pihak pengurusan atau dalam laporan serupa tentang operasi yang dikeluarkan bersama dengan, tetapi tidak menjadi sebahagian daripada penyata kewangan. Pendedahan tersebut boleh juga dimasukkan dalam laporan hasil bajet yang dikeluarkan oleh kerajaan bagi melaporkan pelaksanaan bajet. Jika pendedahan dibuat dalam laporan berasingan dan bukannya dalam penyata kewangan, nota kepada penyata kewangan hendaklah mempunyai rujukan silang bagi laporan itu.

Asas Boleh Banding

31. **Semua perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar hendaklah dibentangkan pada asas boleh banding dalam bajet.**
32. Perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar akan dibentangkan pada asas perakaunan yang sama (akruan, tunai atau asas yang lain), asas klasifikasi yang sama, serta entiti dan tempoh yang sama dengan bajet yang diluluskan. Hal ini akan memastikan pendedahan maklumat tentang pematuhan bajet dalam penyata kewangan menggunakan asas yang sama dengan bajet itu sendiri. Dalam sesetengah kes, ia mungkin melibatkan

- pembentangan bagi perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar pada asas perakaunan yang berbeza, bagi kumpulan aktiviti yang berbeza, dan dengan format pembentangan dan klasifikasi yang berbeza daripada yang diterima pakai untuk penyata kewangan.
33. Penyata kewangan menyatukan pelbagai entiti dan aktiviti yang dikawal oleh sebuah entiti. Seperti yang dinyatakan dalam perenggan 5, bajet berasingan boleh diluluskan dan didedahkan kepada umum bagi entiti individu atau aktiviti tertentu yang membentuk penyata kewangan disatukan. Jika ini berlaku, bajet berasingan itu boleh disusun semula untuk pembentangan dalam penyata kewangan mengikut keperluan Piawaian ini. Jika penyusunan semula tersebut dilakukan, ia tidak akan melibatkan perubahan atau semakan semula bajet yang diluluskan kerana Piawaian ini menghendaki perbandingan antara amaun sebenar dengan amaun bajet yang diluluskan.
34. Entiti boleh menerima pakai asas perakaunan yang berbeza bagi penyediaan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan. Contohnya, sebuah kerajaan boleh menerima pakai asas akruan bagi penyata kewangannya dan asas tunai bagi bajetnya. Selain itu, bajet mungkin memberikan tumpuan kepada, atau memasukkan maklumat tentang, komitmen membelanjakan dana pada masa hadapan dan perubahan dalam komitmen tersebut, manakala penyata kewangan akan melaporkan aset, liabiliti, aset bersih/ekuiti, hasil, belanja, perubahan lain dalam aset bersih/ekuiti, dan aliran tunai. Walau bagaimanapun, entiti bajet dan entiti pelaporan kewangan pada kebiasaannya adalah sama. Tempoh bagi penyediaan bajet dan asas klasifikasi yang diterima pakai untuk bajet itu juga, pada kebiasaannya akan ditunjukkan dalam penyata kewangan. Hal ini akan memastikan sistem perakaunan merekodkan dan melaporkan maklumat kewangan dalam cara yang memudahkan perbandingan data bajet dengan data sebenar bagi tujuan pengurusan dan akauntabiliti, contohnya, memantau kemajuan pelaksanaan bajet sepanjang tempoh bajet dan pelaporan kepada pihak kerajaan, pihak awam, dan pengguna yang lain, secara relevan dan tepat pada masanya.
35. Dalam sesetengah bidang kuasa, bajet mungkin disediakan pada asas tunai atau akruan selaras dengan sistem pelaporan statistik yang merangkumi entiti dan aktiviti yang berbeza daripada yang dilaporkan dalam penyata kewangan. Sebagai contoh, bajet yang disediakan bagi mematuhi sistem pelaporan statistik mungkin memberikan tumpuan kepada sektor am kerajaan, dan merangkumi hanya entiti yang memenuhi fungsi utama atau fungsi bukan pasaran bagi kerajaan sebagai aktiviti utamanya, manakala penyata kewangan melaporkan semua aktiviti yang dikawal oleh kerajaan, termasuk aktiviti perniagaan kerajaan itu. MPSAS 22, *Pendedahan Maklumat Kewangan tentang Sektor Am Kerajaan*, menetapkan keperluan bagi nota pendedahan maklumat kewangan tentang sektor am kerajaan dalam entiti keseluruhan kerajaan yang menerima pakai asas perakaunan akruan dan memilih untuk membuat pendedahan sedemikian. Dalam kebanyakan kes, pendedahan yang dibuat mengikut MPSAS 22 akan merangkumi entiti, aktiviti dan asas klasifikasi yang sama seperti yang diterima pakai dalam bajet yang disediakan sejajar dengan sektor am kerajaan seperti yang ditakrifkan dalam model pelaporan statistik. Dalam kes ini, pendedahan yang dibuat mengikut MPSAS 22 akan juga memudahkan pendedahan yang dikehendaki oleh Piawaian ini.
36. Dalam model pelaporan statistik, sektor am kerajaan boleh merangkumi peringkat kebangsaan, negeri/wilayah, dan kerajaan tempatan. Dalam sesetengah bidang kuasa, kerajaan boleh:
- (a) mengawal kerajaan negeri/wilayah dan kerajaan tempatan,

- (b) menyatukan semua kerajaan tersebut dalam penyata kewangannya dan
- (c) menyediakan, dan menghendaki bajet yang diluluskan yang merangkumi kesemua tiga peringkat kerajaan didedahkan kepada umum. Dalam kes ini, keperluan Piawaian ini akan terpakai kepada penyata kewangan entiti kerajaan tersebut.

Walau bagaimanapun, jika kerajaan tidak mengawal kerajaan negeri/wilayah atau kerajaan tempatan, penyata kewangannya tidak akan menyatukan kerajaan negeri/wilayah atau kerajaan tempatan itu. Sebaliknya, penyata kewangan berasingan disediakan bagi setiap peringkat kerajaan. Keperluan Piawaian ini hanya akan terpakai kepada penyata kewangan entiti kerajaan apabila bajet yang diluluskan bagi entiti itu dan aktiviti yang dikawalinya, atau subsektornya, didedahkan kepada awam.

Bajet Berbilang Tahun

- 37. Sesetengah kerajaan dan entiti lain meluluskan dan mendedahkan kepada awam bajet berbilang tahun, dan bukan bajet tahunan berasingan. Bajet berbilang tahun lazimnya mengandungi satu siri bajet tahunan atau sasaran bajet tahunan. Bajet yang diluluskan bagi setiap tempoh tahunan komponen menunjukkan penggunaan dasar bajet yang berkaitan dengan bajet berbilang tahun bagi tempoh komponen tersebut. Dalam sesetengah kes, bajet berbilang tahun membenarkan peruntukan yang tidak digunakan dalam mana-mana satu tahun dibawa ke hadapan.
- 38. Kerajaan dan entiti lain yang menyediakan bajet berbilang tahun mungkin mengambil pendekatan berbeza untuk menentukan bajet asal dan bajet akhir masing-masing, bergantung pada cara bajet diluluskan. Contohnya, kerajaan mungkin meluluskan bajet dwitahunan yang mengandungi dua bajet tahunan yang diluluskan, dengan bajet asal dan bajet akhir yang diluluskan bagi setiap tempoh tahunan boleh dikenal pasti. Jika peruntukan yang tidak digunakan dalam tahun pertama bajet dwitahunan itu dibenarkan di sisi undang-undang untuk dibelanjakan dalam tahun kedua, bajet asal bagi tempoh tahun kedua akan dinaikkan sebanyak amaun yang dibawa ke hadapan itu. Dalam kes yang jarang berlaku, apabila kerajaan meluluskan bajet dwitahunan atau bajet berbilang tempoh lain yang tidak mengasingkan secara khusus, amaun bajet setiap tempoh tahunan, pertimbangan mungkin diperlukan bagi mengenal pasti amaun yang diperuntukkan bagi setiap tempoh tahunan untuk menentukan bajet tahunan bagi tujuan Piawaian ini. Contohnya, bajet asal dan bajet akhir yang diluluskan untuk tahun pertama bagi satu tempoh dwitahunan akan merangkumi apa-apa pemerolehan modal yang diluluskan bagi tempoh dwitahunan yang berlaku dalam tahun pertama, bersama dengan amaun bagi item hasil dan belanja yang berulang bagi tahun tersebut. Amaun tidak dibelanjakan daripada tahun pertama akan dimasukkan ke dalam bajet asal untuk tempoh tahunan kedua, dan bajet itu bersama dengan apa-apa pembetulan padanya akan membentuk bajet akhir untuk tahun kedua. Jika bajet berbilang tempoh diterima pakai, entiti adalah digalakkan menyediakan nota pendedahan tambahan tentang hubungan antara amaun bajet dengan amaun sebenar sepanjang tempoh bajet itu.

Nota Pendedahan tentang Asas, Tempoh dan Skop Bajet

- 39. Entiti hendaklah menjelaskan, dalam nota kepada penyata kewangan, asas bajet dan asas klasifikasi yang diterima pakai dalam bajet yang diluluskan.

40. Kemungkinan terdapat perbezaan antara asas perakaunan (tunai, akruan, atau sedikit pengubahsuaian padanya) yang digunakan dalam penyediaan dan pembentangan bajet, dengan asas perakaunan yang digunakan dalam penyata kewangan. Perbezaan ini boleh berlaku apabila sistem perakaunan dan sistem bajet mengumpulkan maklumat daripada perspektif yang berbeza – bajet mungkin memberikan tumpuan kepada aliran tunai, atau aliran tunai berserta komitmen tertentu, manakala penyata kewangan pula melaporkan aliran tunai dan maklumat akruan.
41. Format dan skim klasifikasi yang diterima pakai untuk pembentangan bajet yang diluluskan mungkin juga berbeza daripada format yang diterima pakai untuk penyata kewangan. Bajet yang diluluskan boleh mengklasifikasikan item dengan menggunakan asas yang sama dengan asas yang diterima pakai dalam penyata kewangan, contohnya, berasaskan ciri ekonomi (pampasan pekerja, penggunaan barang atau perkhidmatan dan lain-lain), atau berasaskan fungsi (kesihatan, pendidikan dan lain-lain). Sebagai alternatif, bajet tersebut boleh juga mengklasifikasikan item berasaskan program khusus (contohnya, pengurangan kemiskinan atau pengawalan penyakit berjangkit) atau komponen program yang dikaitkan dengan objektif keberhasilan prestasi (contohnya, pelajar yang lulus dalam program pendidikan tinggi atau pembedahan yang dilakukan oleh perkhidmatan kecemasan hospital), yang berbeza daripada klasifikasi yang diterima pakai dalam penyata kewangan. Seterusnya, bajet berulang bagi operasi yang sedang dijalankan (contohnya, pendidikan atau kesihatan) boleh diluluskan secara berasingan daripada bajet modal untuk perbelanjaan modal (contohnya, infrastruktur atau bangunan).
42. MPSAS 1 menghendaki entiti membentangkan, dalam nota kepada penyata kewangan, maklumat tentang asas penyediaan penyata kewangan dan dasar perakaunan signifikan yang diterima pakai. Pendedahan asas bajet dan asas klasifikasi yang diterima pakai dalam penyediaan dan pembentangan bajet yang diluluskan akan membantu pengguna memahami dengan lebih baik hubungan antara bajet dengan maklumat perakaunan yang didedahkan dalam penyata kewangan.
43. **Entiti hendaklah mendedahkan tempoh bajet yang diluluskan dalam nota kepada penyata kewangan.**
44. Penyata kewangan dibentangkan sekurang-kurangnya sekali setahun. Entiti boleh meluluskan bajet untuk tempoh satu tahun atau tempoh berbilang tahun. Jika tempoh bajet yang diluluskan berbeza daripada tempoh pelaporan yang diterima pakai untuk penyata kewangan, pendedahan tempoh bajet yang diluluskan akan membantu pengguna penyata kewangan memahami dengan lebih baik hubungan antara data bajet dengan perbandingan bajet bagi penyata kewangan. Pendedahan tempoh bagi bajet yang diluluskan itu, jika tempoh bajet yang diluluskan sama dengan tempoh bagi penyata kewangan, pendedahan tempoh bajet yang diluluskan memainkan peranan pengesahan yang berguna, terutamanya dalam bidang kuasa apabila bajet interim dan penyata kewangan serta laporan juga disediakan.
45. **Entiti hendaklah mengenal pasti entiti yang dimasukkan dalam bajet yang diluluskan, dalam nota kepada penyata kewangan.**
46. MPSAS menghendaki entiti menyediakan dan membentangkan penyata kewangan yang menyatukan semua sumber yang dikawal oleh entiti. Pada peringkat keseluruhan kerajaan, penyata

kewangan yang disediakan berasaskan MPSAS akan merangkumi entiti yang bergantung pada bajet dan GBE yang dikawal oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan dalam perenggan 35, bajet yang diluluskan dan disediakan mengikut model pelaporan statistik mungkin tidak merangkumi operasi kerajaan yang dijalankan atas asas komersil atau pasaran. Selaras dengan keperluan perenggan 31, amaun bajet dan amaun sebenar akan dibentangkan atas asas boleh banding. Pendedahan entiti yang dirangkumi dalam bajet itu akan membolehkan pengguna mengenal pasti setakat mana aktiviti entiti tersebut tertakluk kepada bajet yang diluluskan, dan bagaimana entiti bajet itu berbeza daripada entiti yang ditunjukkan dalam penyata kewangan.

Penyesuaian Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding dengan Amaun Sebenar dalam Penyata Kewangan

47. **Jika penyata kewangan dan bajet tidak disediakan pada asas boleh banding, amaun sebenar yang dibentangkan pada asas boleh banding dengan bajet mengikut perenggan 31 hendaklah disesuaikan kepada amaun sebenar yang dibentangkan dalam penyata kewangan, dan mengenal pasti secara berasingan apa-apa perbezaan pada asas, pemaasan dan entiti:**

- (a) **Jika asas akruan itu diterima pakai untuk bajet, jumlah hasil, jumlah belanja, dan aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi, aktiviti pelaburan dan aktiviti pembiayaan; atau**
- (b) **Jika asas selain asas akruan diterima pakai untuk bajet, aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi, aktiviti pelaburan dan aktiviti pembiayaan.**

Penyesuaian itu hendaklah didedahkan pada muka penyata perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar, atau dalam nota kepada penyata kewangan.

48. Perbezaan antara amaun sebenar yang dikenal pasti selaras dengan asas boleh banding, dan amaun sebenar yang diiktiraf dalam penyata kewangan, boleh diklasifikasikan dengan lebih baik seperti yang berikut:

- (a) Perbezaan asas, yang berlaku apabila bajet yang diluluskan disediakan pada asas selain asas perakaunan. Contohnya, jika bajet disediakan pada asas tunai atau pada asas tunai ubah suai dan penyata kewangan disediakan pada asas akruan;
- (b) Perbezaan pemaasan, yang berlaku apabila tempoh bajet berbeza daripada tempoh pelaporan yang ditunjukkan dalam penyata kewangan; dan
- (c) Perbezaan entiti, yang berlaku apabila bajet tidak mengambil kira program atau entiti yang menjadi sebahagian daripada entiti dalam penyata kewangan yang disediakan.

Perbezaan bagi format dan skim klasifikasi yang diterima pakai untuk pembentangan penyata kewangan dan bajet juga boleh berlaku.

49. Penyesuaian yang dikehendaki dalam perenggan 47 Piawai ini akan membolehkan entiti melaksanakan obligasi akauntabilitinya dengan lebih baik, dengan mengenal pasti sumber

perbezaan utama antara amaun sebenar pada asas bajet dengan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan. Piawaian ini tidak menghalang penyesuaian terhadap setiap jumlah besar dan subjumlah, atau setiap kelas item, yang dibentangkan dalam perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar dengan amaun setara dalam penyata kewangan.

50. Bagi sesetengah entiti yang menerima pakai asas perakaunan yang sama bagi penyediaan dokumen bajet dan penyata kewangan, hanya pengenalpastian bagi perbezaan antara amaun sebenar dalam bajet dengan amaun setara dalam penyata kewangan diperlukan. Hal ini berlaku jika bajet itu:
- (a) disediakan untuk tempoh yang sama,
 - (b) merangkumi entiti yang sama, dan
 - (c) menerima pakai format pembentangan yang sama dengan penyata kewangan.

Dalam kes ini, penyesuaian tidak diperlukan.

Bagi entiti lain yang menerima pakai asas perakaunan yang sama untuk bajet dan penyata kewangan, mungkin wujud perbezaan dalam format pembentangan, entiti pelaporan, atau tempoh pelaporan; contohnya, bajet yang diluluskan mungkin menerima pakai klasifikasi atau format pembentangan yang berbeza daripada penyata kewangan, memasukkan hanya aktiviti bukan komersil entiti, atau bajet berbilang tahun. Penyesuaian diperlukan jika terdapat perbezaan pembentangan, pemasakan dan entiti antara bajet dengan penyata kewangan yang disediakan pada asas perakaunan yang sama.

51. Bagi entiti yang menerima pakai asas perakaunan tunai (atau asas tunai ubah suai atau akruan ubah suai) bagi pembentangan bajet yang diluluskan dan asas akruan bagi penyata kewangannya, jumlah besar yang dibentangkan dalam penyata perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar akan disesuaikan kepada aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi, aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan, dan aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan seperti yang dibentangkan dalam penyata aliran tunai yang disediakan mengikut MPSAS 2, *Penyata Aliran Tunai*.
52. **Pendedahan maklumat perbandingan yang berkaitan dengan tempoh sebelumnya tidak dikehendaki, mengikut keperluan Piawaian ini.**
53. Piawaian ini menghendaki perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar dimasukkan dalam penyata kewangan entiti yang mendedahkan bajet yang diluluskan kepada umum. Piawaian ini tidak menghendaki pendedahan perbandingan antara amaun sebenar daripada tempoh sebelumnya dengan amaun bajet daripada tempoh sebelumnya, dan tidak juga menghendaki penjelasan berkaitan dengan perbezaan antara amaun sebenar dengan amaun bajet bagi tempoh sebelumnya didedahkan dalam penyata kewangan tempoh semasa.

Tarikh Kuat Kuasa

54. **Entiti hendaklah menerima pakai Piawaian ini bagi penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah digalakkan. Jika entiti menerima pakai Piawaian ini untuk tempoh bermula sebelum 1 Januari 2017, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.**

MPSAS 24 – Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan

55. Apabila entiti menerima pakai asas perakaunan akruan seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS bagi tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa, maka Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas tarikh diterima pakai.

Contoh Ilustrasi

Ilustrasi ini hanyalah lampiran dan bukan sebahagian daripada MPSAS 24.

Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar

Kerajaan XX bagi Tahun Berakhir 31 Disember, 20XX Bajet pada Asas Tunai

(Klasifikasi Pembayaran mengikut Fungsi)

Nota: Bajet dan dasar perakaunan adalah berbeza. Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar ini disediakan pada asas bajet.

(dalam RM)	Amaun Bajet		Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding	□ Perbezaan: Bajet Akhir dengan Sebenar
	Asal	Akhir		
TERIMAAN				
Cukai	X	X	X	X
Perjanjian Bantuan				
Agensi Antarabangsa	X	X	X	X
Geran dan Bantuan Lain	X	X	X	X
Hasil : Pinjaman	X	X	X	X
Hasil : Pelupusan loji dan peralatan	X	X	X	X
Aktiviti Perdagangan	X	X	X	X
Terimaan Lain	X	X	X	X
Jumlah terimaan	X	X	X	X
BAYARAN				
Kesihatan	(X)	(X)	(X)	(X)
Pendidikan	(X)	(X)	(X)	(X)
Ketenteraman/keselamatan awam	(X)	(X)	(X)	(X)
Perlindungan sosial	(X)	(X)	(X)	(X)
Pertahanan	(X)	(X)	(X)	(X)
Perumahan dan kemudahan komuniti	(X)	(X)	(X)	(X)
Rekreasi, kebudayaan dan agama	(X)	(X)	(X)	(X)
Hal ehwal ekonomi	(X)	(X)	(X)	(X)
Lain-lain	(X)	(X)	(X)	(X)
Jumlah bayaran	(X)	(X)	(X)	(X)
TERIMAAN/(BAYARAN) BERSIH	X	X	X	X

□ Lajur “Perbezaan...” tidak diperlukan. Walau bagaimanapun, perbandingan antara amaun sebenar dengan amaun bajet asal atau akhir, yang dikenal pasti kewajarannya dengan jelas, boleh dimasukkan.

MPSAS 24 – Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan

Pendekatan Lajur Tambahan

Kerajaan YY bagi Tahun Berakhir 31 Disember, 20XX

Penyata Bajet Tahunan dan Penyata Kewangan yang Menerima Pakai Asas Akruan

(Ilustrasi untuk Penyata Prestasi Kewangan sahaja. Pembentangan yang serupa boleh diterima pakai untuk penyata kewangan yang lain.)

Sebenar 20XX-1	(dalam RM)	Sebenar 20XX	Bajet Akhir 20XX	Bajet Asal 20XX	<input type="checkbox"/> Perbezaan: Bajet Asal dengan Sebenar
	Hasil				
X	Cukai	X	X	X	X
X	Fi, denda, penalti dan lesen	X	X	X	X
X	Hasil daripada urus niaga pertukaran	X	X	X	X
X	Pindahan daripada kerajaan lain	X	X	X	X
X	Hasil lain	X	X	X	X
X	Jumlah hasil	X	X	X	X
	Belanja				
(X)	Upah, gaji, manfaat pekerja	(X)	(X)	(X)	(X)
(X)	Geran dan bayaran pindahan yang lain	(X)	(X)	(X)	(X)
(X)	Bekalan dan barang guna habis	(X)	(X)	(X)	(X)
(X)	Belanja susut nilai/pelunasan	(X)	(X)	(X)	(X)
(X)	Belanja lain	(X)	(X)	(X)	(X)
(X)	Kos pembiayaan	(X)	(X)	(X)	(X)
(X)	Jumlah belanja	(X)	(X)	(X)	(X)
X	Lebih daripada syarikat bersekutu	X	X	X	X
X	Lebih/(kurangan) bagi tempoh ini	X	X	X	X
	Dipegang oleh:				
X	Pemilik entiti mengawal	X	X	X	X
X	Kepentingan minoriti	X	X	X	X
X		X	X	X	X

- Lajur “Perbezaan...” tidak diperlukan. Walau bagaimanapun, perbandingan antara amaun sebenar dengan amaun bajet asal atau akhir, yang dikenal pasti kewajarannya dengan jelas, boleh dimasukkan.

Petikan daripada Nota Pendedahan – untuk Kerajaan X

(Kerajaan X membentangkan bajet yang diluluskan pada asas tunai dan penyata kewangan pada asas akruan)

1. Bajet telah diluluskan pada asas tunai mengikut klasifikasi fungsi. Bajet yang diluluskan meliputi tempoh fiskal bermula dari 1 Januari, 20XX hingga 31 Disember, 20XX, dan termasuk semua entiti dalam sektor am kerajaan. Sektor am kerajaan termasuk semua entiti yang dikenal pasti sebagai jabatan kerajaan dalam nota xx (disediakan mengikut MPSAS 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*.)
2. Bajet asal telah diluluskan melalui tindakan perundangan pada (tarikh), dan peruntukan tambahan sebanyak XXX untuk sokongan bantuan bencana telah diluluskan melalui tindakan perundangan pada (tarikh) berikutan gempa bumi di Wilayah Utara pada (tarikh). Objektif dan dasar bajet asal bersama semakan semula berikutnya diterangkan dengan lebih terperinci dalam laporan Kajian Semula Operasi dan Hasil Bajet yang dikeluarkan bersama dengan penyata kewangan.
3. Lebihan perbelanjaan sebenar ke atas bajet akhir sebanyak 15% (25% atas bajet asal) bagi fungsi Kesihatan disebabkan oleh perbelanjaan melebihi tahap yang diluluskan oleh tindakan perundangan sebagai respons kepada gempa bumi tersebut. Tiada perbezaan material yang lain antara amaun bajet akhir yang diluluskan dengan amaun sebenar.
4. Asas bajet dan asas perakaunan adalah berbeza. Penyata kewangan untuk keseluruhan kerajaan disediakan pada asas akruan, menggunakan klasifikasi berasaskan jenis perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan. Penyata kewangan ialah penyata disatukan yang merangkumi semua entiti yang dikawal, termasuk perusahaan perniagaan kerajaan bagi tempoh fiskal bermula dari 1 Januari, 20XX hingga 31 Disember, 20XX. Penyata kewangan berbeza daripada bajet yang diluluskan pada asas tunai dan hanya membincangkan sektor am kerajaan yang tidak termasuk perusahaan perniagaan kerajaan serta entiti dan aktiviti kerajaan bukan pasaran lain yang tertentu.
5. Amaun dalam penyata kewangan dinyatakan semula daripada asas akruan kepada asas tunai, dan diklasifikasikan semula mengikut klasifikasi fungsi supaya berada pada asas yang sama dengan bajet akhir yang diluluskan. Selain itu, pelarasan amaun dalam penyata kewangan bagi perbezaan pemasaan yang berkaitan dengan peruntukan berterusan dan perbezaan dalam entiti yang dirangkumi (GBE) telah dilakukan untuk menyatakan amaun sebenar pada asas boleh banding dengan bajet akhir yang diluluskan. Amaun pelarasan ini dikenal pasti dalam jadual berikut.
6. Penyesuaian amaun sebenar pada asas boleh banding seperti yang dibentangkan dalam Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar dan amaun sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember, 20XX dibentangkan di bawah. Penyata kewangan dan dokumen bajet telah disediakan untuk tempoh yang sama. Terdapat perbezaan entiti: bajet disediakan untuk sektor am kerajaan, manakala penyata kewangan menyatukan semua entiti yang dikawal oleh kerajaan. Terdapat juga perbezaan asas: bajet disediakan pada asas tunai manakala penyata kewangan disediakan pada asas akruan.

MPSAS 24 – Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan

	Operasi	Pembiayaan	Pelaburan	Jumlah
Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding seperti yang Dibentangkan dalam Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar	X	X	X	X
Perbezaan Asas	X	X	X	X
Perbezaan Pemasaan	-	-	-	-
Perbezaan Entiti	X	X	X	X
Amaun Sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	X	X	X	X

(Penyesuaian ini boleh dimasukkan pada muka Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar atau sebagai nota pendedahan.)

MPSAS 24 – Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan

Saranan Nota Pendedahan: Bajet Dwitahunan pada Asas Tunai Kerajaan B bagi tahun berakhir 31 Disember, 20XX

(dalam RM)	Tahun Bajet Dwi Tahunan Asal	Sasaran Bajet bagi Tahun Pertama	Bajet Disemak Semula dalam Tahun Pertama	Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding bagi Tahun Pertama	Baki Tersedia bagi Tahun Ke-2	Sasaran Bajet bagi Tahun Ke-2	Bajet Disemak Semula dalam Tahun Ke-2	Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding bagi Tahun Ke-2	<i>*Perbezaan: Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar sepanjang Tempoh Bajet</i>
TERIMAAN									
Cukai	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Perjanjian Bantuan	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Hasil: Pinjaman	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Hasil : Pelupusan loji dan peralatan	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Aktiviti Perdagangan									
Terimaan Lain	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Jumlah Terimaan	X	X	X	X	X	X	X	X	X
BAYARAN									
Kesihatan	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)
Pendidikan	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)
Ketenteraman dan Keselamatan Awam	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)

MPSAS 24 – Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan

(dalam RM)	Tahun Bajet Dwi Tahunan Asal	Sasaran Bajet bagi Tahun Pertama	Bajet Disemak Semula dalam Tahun Pertama	Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding bagi Tahun Pertama	Baki Tersedia bagi Tahun Ke-2	Sasaran Bajet bagi Tahun Ke-2	Bajet Disemak Semula dalam Tahun Ke-2	Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding bagi Tahun Ke-2	<i>*Perbezaan: Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar sepanjang Tempoh Bajet</i>
Perlindungan sosial	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)
Pertahanan	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)
Perumahan dan kemudahan komuniti	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)
Rekreasi, kebudayaan dan agama	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)
Hal ehwal ekonomi	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)
Lain-lain	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)
Jumlah Bayaran	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)
TERIMAAN/(BAYARAN) BERSIH	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)	(X)

*Lajur ini tidak diperlukan. Walau bagaimanapun, perbandingan antara amaun sebenar dengan amaun bajet asal atau akhir, yang dikenal pasti kewajarannya dengan jelas, boleh dimasukkan.

Perbandingan dengan IPSAS 24

MPSAS 24 *Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan* digubal berasaskan IPSAS 24 (2011). Perbezaan utama antara MPSAS 24 dengan IPSAS 24 adalah seperti yang berikut:

- Pada perenggan 4, MPSAS 24 menjelaskan bahawa GBE menerima pakai piawaian perakaunan yang diluluskan yang dikeluarkan oleh MASB, manakala IPSAS 24 menjelaskan bahawa GBE menerima pakai IFRS yang dikeluarkan oleh IASB.